

## Siaran Media

### **MARDI Anjur Program Pemindahan Teknologi Lembu Kedah-Kelantan (KK) Elit Kepada Penternak**

Melaka, 9 April 2021 – Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I (MAFI), YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah telah merasmikan Program Pemindahan Teknologi Lembu Kedah Kelantan (KK) Elit kepada penternak di negeri ini. Program ini adalah anjuran MARDI dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Industri ternakan terutama ternakan ruminan pada masa ini masih berskala kecil dan berpotensi untuk dikembangkan bagi menjamin bekalan makanan (daging dan susu) dalam negara serta mengurangkan import. Antara isu dan cabaran utama yang dihadapi dalam pembangunan industri ini adalah kekurangan baka yang bersesuaian dengan persekitaran tempatan, harga makanan ternakan yang tinggi serta kekurangan kepakaran dan tenaga kerja.

Menyedari hakikat itu, penyelidik MARDI telah berjaya membangunkan baka lembu Kedah Kelantan Elit (KK Elit). Baka ini dibangunkan melalui program pemilihan dan peningkatan baka (selective breeding) secara berstruktur baka lembu tempatan Kedah Kelantan. Baka KK Elit berupaya mencapai berat maksimum antara 430 – 460 kg bagi jantan dan 220 – 250 kg bagi betina pada umur 3 – 4 tahun. Kadar kenaikan berat badan harian juga berjaya ditingkatkan daripada 350 g/hari sehingga 800 g/hari dalam sistem fidlot dengan pemberian formulasi makanan terumus. Baka KK Elit ini telah diisytiharkan pada 14 April 2018.

MARDI juta telah mengambil inisiatif menjalankan kajian manipulasi makanan dan pembiakan terpilih. Dalam menyokong pembangunan baka KK Elit ini, MARDI telah melancarkan Pakej Formulasi Makanan Lembu KK Elit mengikut peringkat pengeluaran pada 7 Mac yang lepas. Produk-produk formulasi makanan yang dihasilkan ini berupaya memastikan ternakan mencapai jumlah makanan kering dalam bentuk komponen nutrisi karbohidrat, protein, lemak, galian dan vitamin yang seimbang dan mencukupi.

Antara formulasi makanan ternakan yang dihasilkan MARDI termasuklah;

- (i) Formulasi Makanan Peringkat Prapembiakan/Penggemukan (flushing)
- (ii) Formulasi Makanan Peringkat Pembiakan
- (iii) Formulasi Makanan Peringkat Laktasi; dan
- (iv) Formulasi Makanan Peringkat Pembesaran.

Bagi memastikan pengembangan baka lembu KK Elit ini berterusan, di bawah Program Kerjasama MARDI-JPV sebanyak 5 ekor pejantan terpilih telah diserahkan kepada pihak Institut Biodiversiti Veterinar Kebangsaan (IBVK) pada 26 April 2019. Lembu-lembu pejantan ini diserahkan bagi tujuan pemungutan, pengumpulan dan krioawetan semen dan seterusnya menyebarkan benih baka lembu KK Elit kepada penternak-penternak yang berminat.

“Sehingga kini hampir 3600 dos (straw) semen KK Elit telah berjaya dikrioawet dan sebanyak 200 straw semen telah diedarkan kepada penternak. Kajian yang dijalankan telah membuktikan bahawa baka tempatan juga dapat ditingkatkan berat badannya setanding dengan lembu baka temperat (negara barat) dengan komitmen berterusan kerajaan dalam tempoh waktu panjang,” ujar Ahmad bin Hamzah.

Beliau turut menggesa agar pembangunan baka tempatan KK ini perlu diberi perhatian serius iaitu dengan mengembangkan populasi bagi mengelakkan kepupusan dan menaiktaraf prestasi baka melalui pemilihan ternakan terancang

Majlis disempurnakan oleh YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I (MAFI). Turut hadir ialah Y.Bhg. Datuk Dr. Mohamad Roff bin Mohd Noor; dan Barisan Pengurusan Kanan MARDI.

### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

#### **Jafni Johari Jiken**

Pegawai Perhubungan Awam

+6016-980 5587 | jafni@mardi.gov.my

#### **Siti Aishah Mohd Shari**

+6012-621 1371 | maishah@mardi.gov.my

